

**Raja Permaisuri Sampai Sumbangan Kepada Rumah Kanak-kanak Palang Merah Thai Bernama  
4 Sept, 2013  
Daripada Norhayati Mohd Akhir**

BANGKOK, 4 Sept (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan menyampaikan cek RM64,000 (620,000 Baht) kepada Rumah Kanak-Kanak Palang Merah Thailand di sini Rabu.

Pusat penjagaan mempunyai 48 kanak-kanak terdiri daripada 25 lelaki dan 23 perempuan dari usia awal kelahiran hingga enam tahun.

Tuanku Hajah Haminah diiringi Puteri Maha Chakri Sirindhorn dalam lawatan ke pusat penjagaan itu. Ketibaan baginda disambut Timbalan Presiden Rumah Palang Merah Kanak-Kanak Thailand, Phan Wannamethee serta beberapa anggota pemegang amanah rumah kebajikan itu.

Hadir sama di majlis itu ialah anggota Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Di pusat penjagaan itu, Raja Permaisuri Agong turut berkenan menyampaikan hamper peralatan bayi kepada 30 bayi manakala beg sekolah 'Upin dan Ipin' kepada 21 kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun yang disediakan oleh Istana Negara, Jalan Duta.

Dua kanak-kanak dari pusat penjagaan itu kemudiannya mempersembahkan kalungan bunga kepada Tuanku Hajah Haminah dan Puteri Maha Chakri Sirindhorn diikuti dengan majlis menandatangani buku pelawat oleh Raja Permaisuri.

Tuanku Hajah Haminah turut berkenan melawat bilik penjagaan kanak-kanak serta menyaksikan tayangan visual aktiviti penghuni Rumah Palang Merah Kanak-Kanak Thailand.

Raja Permaisuri kemudian berangkat ke majlis santapan tengah hari yang dihoskan Puteri Maha Chakri Sirindhorn di bangunan Terd Phrakiat bersebelahan pusat penjagaan itu.

Rumah Kanak-Kanak Palang Merah Thailand ditubuhkan pada 17 Sept 1981 dinaungi Puteri Sirindhorn bertujuan menjaga bayi yang diabaikan ibu bapa sejurus dilahirkan di Hospital Palang Merah iaitu 'King Chulalongkorn Memorial Hospital', 'Queen Sawang Vandhana Memorial Hospital' serta rumah Palang Merah Thailand yang lain.

Antara lain penubuhan rumah kebajikan itu bertujuan mengesan ibu bapa atau saudara mara kanak-kanak yang diabaikan, mengenal pasti keluarga angkat kepada kanak-kanak itu dan menggalakkan kajian mengenai kebajikan kanak-kanak serta keluarga.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Tuanku Hajah Haminah tiba di sini Isnin lepas untuk lawatan negara tiga hari ke Thailand.

Malam ini, Baginda berdua dijadualkan menghadiri majlis santapan bersama rakyat Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia.

Pada Khamis, Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah akan berangkat ke Vietnam untuk lawatan negara selama tiga hari.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975146>